

CNS5657

U GB 04-08 00186 BA324

bah

Mahathir - Bosnia

PUNGUTAN SUARA MESTI MELIPUTI SEMUA RAKYAT BOSNIA, KATA PM

KUALA LUMPUR, 4 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini cadangan puak Serb untuk mengadakan pungutan suara bagi mengesahkan keputusan dewan perhimpunannya untuk menolak rancangan damai antarabangsa bagi menyelesaikan konflik di Bosnia-Herzegovina harus meliputi semua rakyat Bosnia termasuk orang Islam.

"Orang yang terpaksa keluar daripada Bosnia-Herzegovina mesti ada suara juga (dalam referendum itu)," kata Perdana Menteri.

Bercakap kepada pemberita selepas melancarkan Kempen Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan peringkat kebangsaan di sini, beliau berkata, kini lebih dua juta rakyat Bosnia (kebanyakannya orang Islam) terpaksa melarikan diri ke negara lain termasuk Malaysia.

"Orang-orang ini juga mesti diberi hak untuk mengambil bahagian dalam pungutan suara itu," kata beliau.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan pemimpin puak Serb Radovan Karadzic yang berkata suatu pungutan suara akan diadakan pada 27 dan 28 Ogos ini untuk mengesahkan keputusan dewan perhimpunan menolak rancangan damai antarabangsa yang dikemukakan oleh wakil-wakil Kumpulan Penghubung dari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Amerika Syarikat, Russia and Kesatuan Eropah. -- laqi

▼04/08/14-51MST

R GB 04-08 00159 BA329

aab

Mahathir - Bosnia 2 Kuala Lumpur

Bagaimanapun, beliau tidak setuju dengan pungutan suara itu "kerana kita tahu keadaan sebenarnya di mana orang Bosnia (Islam) banyak dibunuh daripada orang Serb."

"Sebenarnya, apakah kita masih percaya kepada keadilan atau tidak. Ataupun, kita percaya kekuatan itu adalah keadilan atau 'might is right' (yang kuat itu betul). Jadi, oleh kerana Serb kuat, semua tunduk padanya," kata beliau.

Beliau juga berkata, jika PBB tidak mampu bertindak terhadap puak Serb, bagaimana badan dunia itu mahu mengambil tindakan terhadap penjenayah perang melalui Mahkamah Antarabangsa.

Dr Mahathir berpendapat bahawa langkah pihak tertentu untuk menghadapkan penganas Serb ke muka pengadilan hanyalah untuk mengabui mata dan "karut sahaja".

Sambil mengulangi kenyataannya bahawa beliau telah kehilangan kepercayaan terhadap PBB, Dr Mahathir berkata badan dunia itu mengambil tindakan serta merta untuk menyelesaikan keadaan di negara-negara Timur Tengah dan beberapa negara lain tetapi gagal untuk menyelesaikan masalah di Bosnia-Herzegovina. -- laqi

▼04/08/15-46MST

Mahathir - Bosnia 3 (akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir juga mengkritik PBB kerana membiarkan masalah di Rwanda berlarutan sehingga beribu-ribu orang terkorban akibat peperangan, kekurangan makanan dan penyakit.

Katanya, tindakan PBB menarik balik tentera penqamannya di Rwanda mengakibatkan lebih 500,000 rakyat Rwanda dibunuh.

"Sekarang baru (PBB) nak pergi ...kalau tak nak pergi, tak usah pergi. Biarlah rakyat Rwanda dibunuh terus.

"Ini bila 500,000 orang dah mati baru nak hantar bekalan dan sebagainya ...apa gunanya bekalan untuk orang yang dah mati," kata beliau.

Kepada satu soalan, beliau berkata, keupayaan Malaysia untuk membantu rakyat Rwanda adalah terhad. (Kerajaan Malaysia telah menderma AS\$100,000 (RM250,000) untuk membantu mereka.)

Beliau berkata, Malaysia telah melakukan sedaya upaya untuk membantu negara-negara lain seperti menghantar tentera untuk berkhidmat di bawah PBB ke beberapa negara yang mengalami masalah. -- Bernama

ES SIA

▼04/08/15-48MST